



HISHAMMUDDIN (dua dari kanan) beramah mesra bersama penuntut di UTHM, Batu Pahat.

# PLKN 2.0 lebih mantap

■ Beri tekanan terhadap aspek melengkapkan kemahiran, vokasional kepada belia

Oleh Mohd Hanafis  
Abdul Haris  
am@hmetro.com.my  
Batu Pahat

**P**rogram Latihan Khidmat Negara (PLKN) 2.0 akan memberi penekanan terhadap aspek kemahiran dan vokasional bagi memberi peluang kedua kepada belia atau pelajar yang tidak dapat memasuki universiti apabila dilaksanakan Januari depan.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata, pendekatan baru itu bagi memastikan pelatih yang menjalani latihan akan melengkapkan diri mereka dengan pelbagai kemahiran seiring dengan kehendak industri pekerjaan semasa.

"Latihan mengambil masa selama dua bulan dan seterusnya disambung ke-

“Kementerian bekerjasama dengan pelbagai industri bagi memastikan mereka mendapat pekerjaan sebaik tamat latihan”

Hishammuddin Hussein

pada tiga hingga 24 bulan bagi menghadiri program latihan di institut vokasional terpilih.

"Malah, kementerian turut bekerjasama dengan pelbagai industri bagi memastikan mereka mendapat pekerjaan sebaik tamat latihan," katanya.

Katanya, selain Kementerian Pertahanan dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS), PLKN 2.0 juga akan

bekerjasama dengan kementerian lain dalam pelbagai skop latihan program berkenaan.

"Ini antara kaedah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bagi melakukan transformasi terhadap program berkenaan sepenuhnya," katanya selepas merasmikan Minggu Haluan Siswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini, semalam.

Beliau berkata, PLKN 2.0 juga menumpukan terhadap enam aspek untuk ditambah baik iaitu merangkumi modul baru, kemasukan pelatih, jurulatih, kemudahan kem, alumni PLKN dan pelan komunikasi media.

"Penambahbaikan ini akan digunakan sebaik-baiknya supaya generasi muda negara mendapat manfaat sepenuhnya," katanya.